



**LAMPIRAN 1 –
TERMA DAN SYARAT PROGRAM INSENTIF “CUSTOMER GET CUSTOMER”
TERMS AND CONDITIONS “CUSTOMER GET CUSTOMER” INCENTIVE PROGRAM**

TEMPOH PROGRAM / PROGRAM PERIOD

1. Program Insentif “**Customer Get Customer**” (“**Program**”) dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) dan akan berlangsung dari **01 Oktober 2025 sehingga 31 Disember 2025** (“**Tempoh Program**”), melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa, tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini (“**Terma dan Syarat**”). / *The “Customer Get Customer” Incentive Program* (“Program”) is organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from 01 October 2025 until 31 December 2025 (“Program Period”), unless notified otherwise from time to time by BSN, subject to the terms and conditions as specified herein (“**Terms and Conditions**”).

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

2. Semua pelanggan BSN yang memenuhi syarat kelayakan di bawah adalah layak untuk menyertai Program ini sebagai perujuk (“Perujuk”) kepada mana-mana pihak yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan dan/atau kemudahan perbankan daripada BSN (“Pelanggan Berpotensi”). / *All BSN’s customers that meet the following criteria are eligible to participate in this Program as the referrer* (“Referrer”) to any party that is interested to apply for BSN’s banking services and/or facilities (“Potential Customer”).

Syarat Kelayakan Eligibility Criteria
1. Pelanggan sedia ada BSN atau Pelanggan baru BSN (merujuk kepada individu yang tidak mempunyai kemudahan dan/atau akaun simpanan dengan BSN) LAYAK menyertai Program ini sebagai 'Perujuk'; / <i>The existing customer of BSN or BSN's new customer (refers to an individual who does not have any facility and/or savings account with BSN) is ELIGIBLE to participate in this Program as the Referrer;</i> 2. Rujukan adalah melalui Platform Atas Talian “Customer Get Customer” di https://rms.bsn.com.my/Referral-Program-Master/Referral-Form.aspx / <i>Referrals are through the “Customer Get Customer” Online Platform at https://rms.bsn.com.my/Referral-Program-Master/Referral-Form.aspx;</i> 3. Dengan membuat rujukan di Platform tersebut, Perujuk mengakui dan mengesahkan bahawa Perujuk telah mendapatkan kebenaran daripada Pelanggan Berpotensi untuk berkongsi data peribadi dan lain-lain maklumat Pelanggan Berpotensi dengan BSN bagi tujuan Program ini; / <i>By making referrals on the Platform, the Referrer acknowledges and confirms that the Referrer has obtained permission from Potential Customer to share the Potential Customer's personal data and other information with BSN for the purposes of this Program;</i> 4. Perujuk perlu merujuk Pelanggan Berpotensi kepada BSN bagi mana-mana produk mengikut amaun pembiayaan seperti dinyatakan dalam Jadual di bawah untuk menerima ganjaran berbentuk insentif sepertimana dinyatakan dalam Jadual yang sama (“Insentif”) tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya oleh Perujuk ke atas Terma dan Syarat ini; / <i>The Referrer needs to refer any Potential Customer to BSN for any BSN’s product based on the financing amount as</i>

stated in the Table below to be rewarded with incentive as specified in the same Table ("Incentive") subject to full compliance of these Terms and Conditions by the Referrer;

5. Pembayaran Insentif akan dimaklumkan di Laman Web BSN (di www.bsn.com.my) ("Laman Web BSN") atau melalui kaedah yang ditentukan oleh BSN dan akan dikreditkan ke akaun simpanan yang dinyatakan oleh Perujuk di Platform Atas Talian "Customer Get Customer" ("Akaun Perujuk"). Dengan memasukkan nombor Akaun Perujuk tersebut ke platform yang disebutkan sebelum ini, Perujuk bersetuju dan mengakui bahawa butiran nombor Akaun Perujuk yang dinyatakan adalah tepat, dan sebarang pembayaran yang dibuat oleh BSN ke Akaun Perujuk adalah dianggap sebagai pembayaran penuh dan sempurna bagi Insentif tersebut. Perujuk selanjutnya bersetuju untuk melepaskan BSN daripada sebarang liabiliti dan bersetuju untuk melindungi dan mengantirugi BSN daripada dan terhadap apa-apa dan semua tindakan undang-undang, tuntutan, kerugian, ganti rugi, bayaran dan perbelanjaan (termasuk kos guaman) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh BSN bersabit pembayaran yang dibuat oleh BSN ke Akaun Perujuk tersebut. / *The Incentive Payment will be notified on BSN's Website at www.bsn.com.my ("BSN's Website") or other method determined by BSN and will be credited to the savings account specified by the Referrer on the "Customer Get Customer" Online Platform ("Referrer's Account"). By entering the Referrer's Account number into the aforementioned platform, the Referrer agrees and acknowledges that the details of the specified Referrer's Account number are accurate, and any payment made by BSN into the Referrer's Account is deemed to be the full and complete payment of the Incentive. The Referrer further agrees to release BSN from any liability and agrees to defend and indemnify BSN from and against any and all legal actions, claims, losses, damages, payments and expenses (including legal costs) that may be incurred or suffered by BSN due to payment made by BSN into the Referrer's Account number;*
6. Semua Perujuk dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan sepertimana diminta oleh BSN, jika ada, untuk tujuan pengesahan. / *All Referrers are required to submit relevant supporting document as requested by BSN, if any for verification purposes.*
7. Pembayaran Insentif adalah berdasarkan amaun pembiayaan Pelanggan Berpotensi seperti di bawah **TERTAKLUK** kepada pengeluaran amaun pembiayaan yang berjaya dibuat oleh BSN ke akaun pembiayaan Pelanggan Berpotensi. / *Incentive Payment is based on the financing amount of the Potential Customers as below **SUBJECT** to the successful disbursement of the financing amount by BSN to the financing account of the Potential Customer.*

Jadual / Table

Produk / Product	Pembiayaan Peribadi dan Pembiayaan ASB / Personal Financing & BSN ASB/i Term Financing		Pembiayaan Kenderaan (BSN MyAuto/i) / Vehicle Financing (BSN MyAuto/i)	Pembiayaan Mikro / Micro Financing (BSN Micro/i)		
Amaun Pembiayaan / Financing Amount	≥ RM50,000 – RM100,000	> RM100,000	≥ RM90,000	≥ RM5,000 to RM25,000	≥ RM25,001 to RM50,000	≥ RM 50,001 – RM 100,000
Insentif / Incentive	RM100	RM200	RM50	RM30	RM50	RM100
Status Pembiayaan / Financing Status	Pembiayaan Baharu / New Financing					

8. Entiti-entiti / individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Program ini: / *The following entities/individuals shall **NOT BE ELIGIBLE** to participate in this Program:*
 - a) Kakitangan tetap atau kontrak BSN atau anak syarikatnya atau syarikat-syarikat berkaitan dan/atau ahli keluarga terdekat mereka (**iaitu suami, isteri, anak-anak, ibu bapa, adik beradik, mertua dan ipar-duai**); / *Permanent or contract employees of BSN or its subsidiaries or related companies and/or their immediate family members (i.e. **spouses, children, parents, siblings and in-laws**);*

- b) Wakil-wakil, ejen-ejen dan/atau pembekal perkhidmatan BSN (termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen pengiklanan dan promosi dan vendor komputer/sistem/teknologi), kecuali rakan kongsi perniagaan mikro sedia ada yang terpilih seperti yang disenaraikan di dalam Lampiran 1; / *BSN's representatives, agents and/or service providers (including but not limited to the advertising and promotion agents and the computer / systems / technology vendors), except for existing and selected micro business partners as listed in Annexure 1;*
 - c) Individu di bawah umur 18 tahun; / *Individuals below the age of 18 years old;*
 - d) Bukan warganegara Malaysia. / *Non-citizen of Malaysia.*
9. BSN berhak dengan budi bicaranya untuk menggantikan mana-mana Insentif dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis jika Insentif yang diperuntukkan tersebut tidak tersedia atas apa jua alasan. Semua Insentif diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit, barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. / *BSN reserves the right in its discretion to substitute any of the Incentive with items of equivalent value, at any time without prior notice if the awarded Incentives are unavailable for any reason whatsoever. All incentives are given on an "as is" basis and are not exchangeable for credit, other items or voucher, in part or in full.*
 10. Perujuk hendaklah mematuhi Terma dan Syarat BSN bagi Program ini serta Terma dan Syarat yang disertakan dengan Insentif, sekiranya ada. / *All Referrer shall abide to the Terms and Condition of BSN for this Program and the Terms and Conditions attached to the Incentive, if any.*
 11. Penentuan Perujuk yang berjaya menerima Insentif oleh BSN adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan. / *The determination of the Referrer who receives the Incentive is final. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained.*

HAK BANK / BANK'S RIGHT

12. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Program ini sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Perujuk secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini. / *BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Program in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN, despite the best efforts of BSN. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Referrer directly or indirectly, caused by the changes.*
13. BSN berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Perujuk yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Program, operasi Program ini atau melanggar Terma dan Syarat Program. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberikan kesan buruk kepada Program ini. / *BSN reserves the right, in its discretion, to disqualify any Referrer that is found or*

suspected of tampering with the Program's process, the operation of this Program or to be in violation of the Terms and Conditions of this Program. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Program.

14. BSN juga berhak membatalkan penyertaan mana-mana Perujuk dan/atau kelayakan menerima sebarang Insentif dengan serta merta jika terdapat mana-mana maklumat yang diberikan oleh Perujuk didapati tidak benar atau tidak tepat.

The Bank reserves the right to revoke the participant's eligibility and/or entitlement to any Incentive if it is determined that any information provided by the Referrer is incorrect or inaccurate.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

15. Perujuk adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Program ini. *The Referrer shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Program.*
16. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Program ini dan/atau menuntut hadiah (jika berkenaan) termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Perujuk. *Any cost, fee and/or expenses incurred or to be incurred to participate in this Program and/or to redeem the Incentive (if applicable) including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the Referrer.*
17. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Program ini. *BSN shall not be held responsible for technical issues that prevent any individual from participating in this Program.*
18. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Referrer berhubung penyertaan Program ini. *BSN cannot guarantee and does not promise any specific results to any Referrer in relation to the participation in this Program.*

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

19. Dengan menyertai Program ini, Perujuk dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Program ini dikumpulkan, direkodkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada:
 - a) untuk tujuan Program ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN (di www.bsn.com.my) ("Laman Web BSN"); atau
 - b) untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau
 - c) untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau

- d) untuk mengesahkan status akaun Perujuk dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau
- e) apabila diminta secara bertulis oleh Perujuk; atau
- f) untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN, terma dan syarat di bawah Polisi Privasi BSN akan diguna pakai.

By participating in this Program, the Referrer(s) hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to, the personal data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Program being collected, recorded, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any,:

- a) to use and disclose the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Program in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's Website at www.bsn.com.my ("BSN's Website"); or*
- b) to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or*
- c) to comply with a Court order or direction; or*
- d) to verify the Eligible Participant's account status with any third party (if relevant); or*
- e) where the Referrer(s) request in writing;*
- f) or to protect and defence BSN or BSN's asset.*

In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy, the terms and conditions under the BSN's Privacy Policy shall prevail.

- 20. Perujuk dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan data peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Program ini, termasuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian, tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat di Laman Web BSN. / *By participating in this Program, the Referrer hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates, including to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit, to use the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Program, subject to the Privacy Policy that is available on BSN's Website.*
- 21. Perujuk bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Program ini selaras dengan Polisi Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Sesawang BSN. / *The Referrer agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, for the purposes of this Program in accordance with BSN's Privacy Policy, which may be viewed on BSN's Website.*
- 22. Perujuk mempunyai hak pada bila-bila masa untuk: / *The Referrer have the right at any time to:*

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi; / *Withdraw their consent for the use of Personal Data;*
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan / *Request for any correction/update of Personal Data; and*
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi; / *Raise any questions regarding the use of Personal data;*

dengan menghubungi BSN seperti mana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN. / *by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.*

23. Perujuk bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Program ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Program ini oleh Perujuk yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Perujuk.

The Referrer(s) agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Program and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Referrer(s)' participation in this Program associated with such Personal Data by giving notice to the Referrer(s).

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

24. Dengan menyertai Program ini, Perujuk dan dianggap telah bersetuju: / *By participating in this Program, all Referrers are deemed to have agreed:*

- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan lain-lain terma dan syarat berkaitan produk dan perkhidmatan BSN yang terpakai yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang berkaitan dengan Insentif, jika ada, termasuk apa-apa pindaan ("Terma dan Syarat yang Terpakai"); dan / *To be bound by the Terms and Conditions herein and any other terms and conditions of the applicable BSN's products and services stipulated by BSN from time to time and the relevant terms and conditions attached to the Incentive, if any, including any amendment thereto ("Applicable Terms and Conditions"); and*
- b) Untuk mengakses Laman Sesawang BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Perujuk sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat yang Terpakai. / *To access to BSN's Website on regular basis to ensure that the Referrer are updated with any change or variation made to the applicable Terms and Conditions.*

25. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Program ini adalah muktamad, terikat ke atas Perujuk, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan. / *All BSN's decisions relating to the Program is final, binding on the Referrer, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.*

26. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung,

sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Program dan/atau Insentif. *In no events will BSN be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Program and/or Incentive.*

27. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Perujuk yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Program ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Program ini disebabkan oleh kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN. *BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Referrer resulting, directly or indirectly, from participation in the Program or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under the Program due to any force majeure event which includes but not limited to Act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.*
28. Dengan menyertai Program ini, Perujuk memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Perujuk untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang serta apa-apa pengumuman yang difikirkan perlu oleh BSN dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Perujuk tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut. *By participating in this Program, the Referrer consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Referrer for current and future advertising and promotional purposes and any announcement that BSN deems require in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Referrer are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.*
29. BSN berhak mengikut budi bicaranya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Program, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Program, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Sesawang BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Perujuk. *BSN reserves the right at its discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Program Period, commencement date and the expiry date of the Program Period, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to*

such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Referrer.

30. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Perujuk dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Perujuk melalui paparan di BSN atau melalui notis yang dihantar oleh BSN atau pengiklanan di halaman media sosial rasmi BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Perujuk yang menyertai Program ini secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan tersebut. / *Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Referrer and be deemed to be brought to the Referrer's attention and knowledge by its display at BSN or by notice being sent by BSN or by advertisement at BSN's official social media page or BSN Website or by any other mode which BSN deems fit. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Referrer who participate in this Program directly or indirectly, caused by such changes.*
31. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Program ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Program ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Program yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budi bicara pihak BSN. / *In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Program, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Program which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its discretion.*
32. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia. / *These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.*
33. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Program ini, sila hubungi BSN di 1300 88 1900. / *For more information and query relating to the Program, please contact BSN at 1300 88 1900.*

- TERMA DAN SYARAT PROGRAM TAMAT -
- END OF PROGRAM TERMS AND CONDITIONS-

RAKAN PERNIAGAAN MIKRO TERPILIH
SELECTED MICRO BUSINESS PARTNERS

- 1) Scorexcess by SME Bank
- 2) Desa Mall
- 3) eDesa
- 4) Unifi Business Club (UBC)
- 5) TikTok Shop Malaysia
- 6) Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM)